

## Persepsi Mahasiswa Universiti Tun Hussein Onn Malaysia Berhubung Isu Plagiarisme

### *Perception of Students at Universiti Tun Hussein Onn Malaysia Regarding the Issue of Plagiarism*

Shahidah Hamzah<sup>1,2\*</sup>

<sup>1</sup> Institut Transformasi dan Pembangunan Wilayah,  
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, 86400, Batu Pahat, Johor, MALAYSIA

<sup>2</sup> Pusat Pengajian Umum dan KoKurikulum  
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, 86400, Batu Pahat, Johor, MALAYSIA

\*Corresponding Author: shahidahh@uthm.edu.my  
DOI: <https://doi.org/10.30880/ahcs.2024.05.02.010>

---

#### Maklumat Artikel

Diserah: 03 Januari 2024

Diterima: 07 Mei 2024

Diterbitkan: 30 Jun 2024

#### Kata Kunci

Integriti, Plagiarisme, Persepsi,  
Mahasiswa

#### Abstrak

Integriti merupakan elemen penting bagi mengekalkan nilai kepercayaan dan reputasi seseorang individu. Integriti dibahagikan kepada dua bahagian iaitu integriti individu dan juga integriti organisasi. Dalam konteks akademik integriti turut dikaitkan dengan plagiarisme terutamanya berhubung dengan etika penulisan bagi menghasilkan proposal dan penulisan artikel akademik. Kajian ini dijalankan bertujuan untuk melihat persepsi serta memberi pendedahan kepada mahasiswa tentang kepentingan integriti terhadap masa depan mereka kesiranya mereka melanggar nilai tersebut. Terdapat beberapa objektif yang ingin dicapai dalam kajian tersebut termasuk mengenalpasti faktor mahasiswa melakukan plagiarisme dalam pendidikan, mengkaji cara penyelesaian isu plagiarisme serta impaknya kepada para mahasiswa. Secara keseluruhannya, kajian ini melibatkan 100 orang responden yang terdiri daripada mahasiswa Kampus UTHM Pagoh. Secara keseluruhannya, hasil kajian mendapati kebanyakan responden bersetuju bahawa takut kegagalan merupakan faktor utama para mahasiswa melakukan plagiarisme manakala cara yang paling berkesan untuk mengelakkan dirinya terlibat dengan gejala plagiarisme adalah mengukuhkan jati diri. Menurut kajian soal selidik juga, mahasiswa-mahasiswa bersetuju bahawa impak yang paling ketara sekiranya terlibat dengan gejala plagiarisme adalah menjelaskan reputasi mahasiswa.

---

#### Keywords

Integrity, Plagiarism, Perception,  
Students

#### Abstract

*Integrity is an essential element for maintaining an individual's trustworthiness and reputation. Integrity is divided into two parts: individual integrity and organizational integrity. In an academic context, integrity is also linked to plagiarism, particularly regarding writing ethics in producing proposals and academic articles. This study was conducted to examine perceptions and provide students with insights into the importance of integrity for their future and the consequences if they violate this value. There are several objectives aimed to be achieved in this*

*study, including identifying the factors that lead students to commit plagiarism in education, exploring solutions to plagiarism issues, and assessing its impact on students. Overall, the study involved 100 respondents consisting of students from UTHM Pagoh Campus. The findings revealed that most respondents agreed that the fear of failure is the main factor driving students to commit plagiarism, while the most effective way to prevent oneself from being involved in plagiarism is to strengthen self-identity. According to the survey, students also agreed that the most significant impact of being involved in plagiarism is damaging their reputation.*

## 1. Pengenalan

Kemajuan sesebuah negara sangat bergantung kepada nilai integriti yang ada dalam setiap organisasi serta nilai-nilai etika kepimpinan negara tersebut. Sebuah organisasi yang memiliki integriti yang tinggi mampu bersaing di peringkat global. Justeru itu, setiap anggota masyarakat perlu memupuk nilai integriti untuk meningkatkan kualiti kerja dalam setiap organisasi, yang pada asasnya akan menyumbang kepada kemajuan negara. Namun begitu, masalah integriti dalam masyarakat semakin berleluasa dalam zaman globalisasi ini. Kehilangan integriti di kalangan masyarakat semakin meningkat dalam setiap organisasi dengan adanya jenayah kolar putih, rasuah, diskriminasi, penindasan, dan penyalahgunaan kuasa. Oleh itu, dengan kesedaran ini, nilai integriti dalam kalangan pelajar perlu dipertingkatkan untuk membina masyarakat yang beretika, memahami nilai integriti, bebas dari amalan rasuah, dan amalan negatif lain. Lantaran itu, nilai-nilai integriti ini perlu diterap secara holistik dalam kalangan pelajar terutamanya di kalangan mahasiswa dan mahasiswi.

Mahasiswa dan mahasiswi yang sentiasa mengamalkan nilai integriti mampu menyediakan diri mereka sebagai modal insan kelas pertama. Oleh itu, penerapan nilai-nilai integriti dalam jiwa mahasiswa dan mahasiswi amat penting kerana kejayaan dalam menghayati nilai-nilai integriti secara tidak langsung memberi kesan positif kepada mereka terutamanya dalam pencapaian akademik dan pembinaan akhlak.

### 1.1 Latar Belakang

Integriti dalam organisasi pendidikan memainkan peranan yang penting dalam menjamin keberhasilan dan kualiti pendidikan. Integriti merangkumi nilai-nilai kejujuran, keadilan, tanggungjawab, dan amanah yang perlu dihayati oleh setiap individu dalam organisasi pendidikan, termasuk pengurusan, guru, pelajar, dan kakitangan sokongan.

Dalam konteks pendidikan, integriti adalah asas yang kuat untuk mencapai kecemerlangan akademik, perkembangan moral, dan pembangunan watak pelajar. Keutuhan dan kejujuran dalam tindakan dan keputusan penting untuk menjamin proses pembelajaran yang adil, memupuk sikap bertanggungjawab, dan membentuk persekitaran pembelajaran yang selamat.

Namun, pada masa kini, terdapat cabaran dalam memelihara integriti dalam organisasi pendidikan. Kes penyalahgunaan kuasa, rasuah, plagiat, dan amalan tidak etika yang melibatkan pihak pengurusan, guru, atau pelajar telah mencetuskan kebimbangan dan menimbulkan keraguan terhadap integriti dalam organisasi pendidikan. Fenomena ini menuntut tindakan segera untuk mengukuhkan integriti dalam organisasi pendidikan bagi memastikan pembangunan sumber manusia yang berkualiti dan masa depan negara yang cemerlang.

Menurut kajian yang dijalankan oleh Anoopa, K. R. et. al. (2019), integriti akademik merujuk kepada komitmen untuk berperilaku jujur dan bermoral dalam konteks akademik. Contohnya tidak meniru semasa peperiksaan, mengelak daripada plagiat tesis, tidak memanipulasi data penyelidikan, dan tidak mengubahsuai dokumen kelayakan untuk masuk ke universiti. Bagi pelajar universiti, integriti akademik juga merangkumi memberi pengiktirafan kepada sumber apabila mengambil idea orang lain.

Dengan itu, adalah penting untuk menyedari kepentingan integriti dalam organisasi pendidikan dan mengambil langkah-langkah yang berkesan untuk mempromosikan dan mengekalkan nilai-nilai integriti dalam setiap aspek aktiviti pendidikan. Melalui penekanan yang kukuh pada integriti, organisasi pendidikan dapat membina budaya kejujuran, membentuk kepimpinan yang teladan, dan melahirkan generasi muda yang berintegriti untuk memimpin masa depan negara ke arah kemajuan yang lestari.

Kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti faktor mahasiswa melakukan plagiarisme, mengkaji cara penyelesaian isu ini dan menganalisa impak plagiarisme terhadap mahasiswa.

## 2. Sorotan Literatur

Pada era globalisasi yang sedang dilalui kini, tidak dapat dinafikan bahawa ‘dunia di hujung jari’ dimana internet memainkan peranan yang sangat penting dalam hampir keseluruhan aspek kehidupan. Seorang pelajar mampu menyiapkan kertas kerja atau tesisnya dengan jalan pintas yang cepat. Dengan sumber ilmu yang cukup luas dan pelbagai di atas talian, tugas akademik yang kelihatan mencabar menjadi cukup mudah, semudah ‘tiru dan tampal’ (copy and paste). Namun, mengambil karya milik orang lain dan memperakukan bahawa ianya adalah hasil karya sendiri adalah satu perbuatan yang membuktikan tahap integriti seseorang individu.

Hasil kajian yang jalankan di Taiwan menunjukkan bahawa dari 2,068 mahasiswa, 61.72% melakukan ketidakjujuran akademik. Pelanggaran itu juga terjadi di banyak institusi pendidikan. Hasil penelitian pada tahun 1972, 93% dari mahasiswa menyatakan bahawa meniru telah menjadi suatu hal normal dalam hidup. Hasil kajian ini juga menunjukkan, punca melanggar etika dalam penulisan adalah bertujuan memperolehi kejayaan dalam bidang pendidikan dan mendapat pekerjaan yang lebih baik setelah tamat pengajian (McCabe D.L. et. al., 2001).

Perkembangan teknologi yang pesat telah menyebabkan peningkatan kejadian plagiarisme dalam kalangan pelbagai sektor. Dengan kemudahan akses kepada maklumat melalui internet dan kepelbagaiannya alat digital, individu kini mudah untuk mengambil karya dan bahan secara atas talian. Sebagai contoh, hampir semua mahasiswa/i di negara kita memiliki telefon pintar, komputer riba atau gadget sebagainya. Oleh itu, kekurangan nilai-nilai kejujuran intelektual dan langkah-langkah yang proaktif akan meningkatkan bilangan pelajar yang melaku plagiarisme Tanpa pengawasan dan kesedaran yang mencukupi, kemajuan teknologi telah memberikan peluang yang lebih besar untuk pelajar tidak menyiapkan tugas secara bersendirian.

Selain itu, menurut kajian yang dijalankan oleh Arief Salleh Rosman et. al. (2008) antara kaedah melakukan plagiarisme ialah melalui pengubahsuai hasil kerja orang lain, penyalinan, menjalankan tugas individu bersama kawan dan lain-lain. Melalui pernyataan ini, pengkaji membuat hipotesis bahawa kemungkinan mahasiswa-mahasiswa tidak perasan dirinya telah terlibat dalam isu plagiarisme.

Kajian yang dijalankan oleh Lena Vimalanandan et. al. (2002), pula menunjukkan tahap kefahaman pelajar di IPG kampus Ipoh tentang isu plagiarisme adalah sederhana tinggi, iaitu min 3.6 sahaja. Walaubagaimanapun, kefahaman pelajar program persediaan terhadap jenis-jenis perlakuan plagiarisme adalah lebih tinggi daripada pelajar ijazah. Dengan ini, pengkaji merumuskan bahawa tahap kefahaman terhadap isu plagiarisme dalam kalangan mahasiswa atau pelajar masih rendah dan perlulah dipertingkatkan lagi.

Mahasiswa dan mahasiswi berpotensi terlibat dalam isu plagiarisme dengan menyiapkan kerja kursus secara cepat. Sebahagian mahasiswa dan mahasiswi tidak perasan dan tidak sedar apabila diri sendirinya terlibat dalam isu plagiarisme secara tidak sengaja. Tidak wujudnya perbezaan dalam kedua-kedua kesedaran dan sikap atau etika dengan jantina mahasiswa atau mahasiswi tersebut (Tuan Sarifah Aini Syed Ahmad et. al. (2022).

Tambahan pula, pembangunan Teknologi dan Komunikasi memberi kebebasan kepada semua orang tetapi sebahagian mahasiswa dan mahasiswi menyalahgunakan teknologi ini untuk menyiapkan kerjanya seperti menggunakan kecerdasan buatan(AI). Keadaan ini menjadikan mahasiswa atau mahasiswi tidak berupaya mengaplikasikan ilmu tersebut. Berdasarkan kajian Siti Fatin Mohd Razali et. al. (2016), tentang penyelidikan plagiarisme dalam kalangan mahasiswa dan mahasiswi subjek kejuruteraan, didapati sebanyak 25% mahasiswa dan mahasiswi terlibat dalam isu plagiarisme dalam setiap kerja kursus.

## 3. Metodologi

Menurut Sabitah Marican (2009) dan Ahmad Munawar Ismail dan Mohd Nor Shahizan Ali (2014), metodologi didefinisikan sebagai satu kaedah yang digunakan untuk melaksanakan kajian atas satu subjek kajian tertentu mengikut disiplin yang teratur. Beberapa metodologi diperlukan untuk mendapatkan data yang mencukupi bagi memenuhi kriteria kajian. Hal ini supaya sesebuah kajian itu dapat dijalankan secara sistematis dan pengkaji dapat memperoleh data yang betul. Untuk membina metodologi kajian yang bersistematis, pengkaji akan membincangkan tentang reka bentuk kajian, sampel kajian, batasan kajian, instrumen kajian dan prosedur analisis data. Hal ini membantu menjawab persoalan-persoalan kajian yang telah dikemukakan dan mencapai objektif-objektif kajian ini berdasarkan fakta-fakta yang benar dan sahih serta boleh dipercayai.

Instrumen ialah alat yang digunakan oleh pengkaji untuk menjalankan sesuatu kajian menerusi konsep yang berkaitan dengan sikap, persepsi, pandangan dan keterangan latar belakang. Instrumen tersebut membantu pengkaji mendapatkan maklumat untuk kajian secara lebih sistematis. Instrumen kajian juga boleh digunakan sebagai asas untuk memperoleh data. Instrumen kajian meliputi beberapa bahagian borang soal selidik dan rujukan.

Sampel kajian merupakan suatu proses pemilihan objek-objek kajian yang dapat mewakili sesuatu kumpulan besar yang dipilih. Dalam kajian ini, teknik persampelan kajian yang digunakan ialah teknik persampelan rawak mudah. Setiap mahasiswa UTHM kampus cawangan Pagoh diberi peluang yang sama dan soalan yang sama dalam soal selidik. Pemilihan responden adalah berdasarkan kesudian dan kelapangan

mereka untuk menjawab borang soal selidik. Sampel kajian ini terdiri daripada 100 orang mahasiswa UTHM kampus cawangan Pagoh. Setiap responden akan menerima soal selidik dalam format Google Form secara mudah rawak agar ketepatan data dapat terjamin.

Pengkaji memperoleh maklumat yang tepat dan berkualiti melalui cara merujuk penyelidikan atau kajian yang pernah dijalankan oleh orang lain dan kajian itu telah dikemukakan dalam buku rujukan, lepasan dalam talian, atau kaedah lain-lain. Pengkaji juga dapat merujuk maklumat daripada dokumen kerajaan atau kamus dewan untuk merealisasikan dan menyiapkan kajian ini. Dengan menggunakan kaedah ini, pengkaji dapat menjimatkan masa dan fokus dalam perbincangan dapatan kajian.

Instrumen ini merupakan sumber pertama diambil atau dijadi pertimbangan pengkaji untuk merealisasikan kajian ini, iaitu kesedaran mahasiswa UTHM Pagoh terhadap isu plagiarisme. Dalam kajian ini, data primer yang digunakan adalah borang soal selidik. Terdapat 4 bahagian dalam borang soal selidik ini, Bahagian A, Bahagian B, Bahagian C dan Bahagian D. Bahagian A merupakan bahagian yang mengenai data peribadi responden supaya pengkaji boleh membuat kesimpulan mengikut maklumat responden. Bahagian B merupakan bahagian yang mendapat persepsi mahasiswa/mahasiswi UTHM cawangan kampus Pagoh tentang mengenalpasti faktor mahasiswa/i melakukan plagiarisme dalam pendidikan. Bahagian C disediakan untuk mengkaji cara penyelesaian isu plagiarisme dalam kalangan mahasiswa/i. Bahagian D adalah untuk menganalisis impak plagiarisme terhadap mahasiswa/i. Prinsip KISS (Keep It Short and Simple) digunakan dalam persediaan borang soal selidik. Soalan yang disediakan dalam borang soal selidik perlulah mudah difahami, jelas dan ringkas (R.Kuberan et al , 2013) . Selanjutnya, skala likert lima mata juga digunakan oleh pengkaji dalam Bahagian C dan D . Responden diminta memilih mata yang menentukan pendapat sendiri bagi soalan yang ditanyakan. Setelah itu, data-data diperolehi melalui borang soal selidik dianalisis secara deskriptif.

#### 4. Dapatan Kajian

Seramai 100 orang responden telah menjawab borang soal selidik yang telah diedarkan melalui “google form” . Jadual 1 menunjukkan demografi responden.

**Jadual 1 Demografi Responden**

<b>Demografi Responden</b>	<b>Kekerapan</b>	<b>Peratusan (%)</b>
Jantina	Lelaki	40
	Perempuan	60
Umur	18 - 20 tahun	21
	21 – 23 tahun	67
	> 24 tahun	12
Etnik	Melayu	58
	Cina	36
	India	6

Sumber: Kajian Lapangan 2023

Jadual 1 menunjukkan dari aspek jantina 40 orang responden lelaki iaitu 40% daripada 100 orang responden dan 60 orang responden perempuan iaitu 60% daripada 100 orang responden. Manakala dalam aspek umur, responden yang berumur antara 21 hingga 23 tahun adalah paling tinggi iaitu 67 peratus, diikuti oleh 18 hingga 20 tahun ialah 21 peratus dan lebih daripada 24 tahun ialah 12 peratus. Dalam aspek etnik pula, melayu sebanyak 58 peratus, cina 36 peratus dan india 6 peratus.

#### 4.1 Faktor Mahasiswa melakukan Plagiarisme dalam pendidikan

Jadual 2 menunjukkan faktor mahasiswa melakukan plagiarisme dalam aspek pendidikan.

**Jadual 2 Faktor Mahasiswa terlibat dengan Plagiarisme**

<b>Faktor</b>	<b>Sangat Tidak Setuju</b>		<b>Tidak Setuju</b>		<b>Sederhana</b>		<b>Setuju</b>		<b>Sangat Setuju</b>		<b>Min</b>
	<b>F</b>	<b>%</b>	<b>F</b>	<b>%</b>	<b>F</b>	<b>%</b>	<b>F</b>	<b>%</b>	<b>F</b>	<b>%</b>	
Kurang Penghayatan Agama	1	1	6	6	8	8	49	49	36	36	4.13
Keinginan untuk mendapatkan markah dan pekerjaan yang baik	0	0	1	1	21	21	52	52	26	26	4.03
Personaliti Individu	1	1	3	3	10	10	44	44	42	42	4.23
Keselesaan Penggunaan Kemudahan Teknologi dan Internet dalam Akademik	1	1	0	0	10	10	49	49	40	40	4.27
Kurang Pengetahuan terhadap isu Plagiarisme	3	3	1	1	14	14	44	44	38	38	4.13
Takut kegagalan	0	0	1	1	11	11	44	44	44	44	4.31
Pengurusan masa yang lemah	0	0	4	4	18	18	38	38	40	40	4.14
Pengaruh Norma subjektif (pengaruh luaran)	0	0	1	1	18	18	45	45	36	36	4.16

Sumber: Kajian Lapangan 2023

Jadual 2 menunjukkan maklum balas responden terhadap faktor mahasiswa/i melakukan plagiarisme dalam pendidikan. Antara faktornya ialah kurang penghayatan agama, keinginan untuk mendapatkan markah dan pekerjaan yang baik, personaliti individu, keselesaan penggunaan kemudahan teknologi dan internet dalam akademik, kurang pengetahuan terhadap isu plagiarisme, takut kegagalan, pengurusan masa yang lemah dan pengaruh norma subjektif.

Berdasarkan dapatan kajian tersebut didapati kurang penghayatan agama merupakan salah satu faktor yang menyebabkan isu ini berlaku dimana seorang responden iaitu 1% daripada 100 orang responden memilih paling tidak setuju. Seramai 6 orang responden iaitu 6% memilih tidak setuju. Responden yang memilih sederhana seramai 8 orang atau 8% manakala seramai 49 orang atau 49% memilih setuju dan seramai 36 orang atau 36% memilih paling setuju.

Bagi faktor keinginan untuk mendapatkan markah dan pekerjaan yang baik, tiada responden yang memilih paling tidak setuju dan seorang atau 1 memilih tidak setuju. Seramai 21 orang responden atau 21 memilih sederhana. Responden yang memilih setuju dan paling setuju masing-masing seramai 52 orang atau 52 dan 26 orang atau 26

Bagi faktor personaliti individu, terdapat seorang responden iaitu 1 daripada 100 orang responden memilih paling tidak setuju. Seramai 3 orang responden iaitu 3 memilih tidak setuju. Responden yang memilih sederhana seramai 10 orang atau 10. Manakala seramai 44 orang atau 44% memilih setuju dan seramai 42 orang atau 42 memilih paling setuju.

Selain itu, bagi faktor keselesaan penggunaan kemudahan teknologi dan internet dalam akademik, terdapat seorang atau 1% memilih paling tidak setuju dan tiada responden memilih tidak setuju. Seramai 10 orang responden atau 10 memilih sederhana. Responden yang memilih setuju dan paling setuju masing-masing seramai 49 orang atau 49% dan 40 orang atau 40%.

Di samping itu, bagi faktor kurang pengetahuan terhadap isu plagiarisme, terdapat 3 orang responden atau 3% memilih paling tidak setuju dan seorang responden atau 1% memilih tidak setuju. Terdapat 14 orang

responden atau 14% memilih sederhana. Responden yang memilih setuju seramai 44 orang atau 44% manakala responden yang memilih paling setuju seramai 38 orang atau 38%.

Tambahan pula, bagi faktor takut kegagalan, tiada responden yang memilih paling tidak setuju dan 1 orang atau 1% memilih tidak setuju. Seramai 11 orang responden atau 11% memilih sederhana. Responden yang memilih setuju dan paling setuju kedua-duanya seramai 44 orang atau 44%.

Bagi faktor pengurusan masa yang lemah, tiada responden yang memilih paling tidak setuju. Seramai 4 orang responden iaitu 4% memilih tidak setuju. Responden yang memilih sederhana seramai 18 orang atau 18%. Manakala seramai 38 orang atau 38% memilih setuju dan seramai 40 orang atau 40% memilih paling setuju.

Akhir sekali, tiada responden memilih paling tidak setuju dan seorang responden atau 1% memilih tidak setuju. Terdapat 18 orang responden atau 18% memilih sederhana. Responden yang memilih setuju seramai 45 orang atau 45.00% manakala responden yang memilih paling setuju seramai 36 orang atau 36% bagi faktor pengaruh luaran.

Faktor yang mempunyai min skala yang paling tinggi iaitu 4.31 ialah faktor takut kegagalan. Hal ini demikian kerana mahasiswa yang melakukan plagiarisme dipengaruhi oleh masyarakat kini yang mengejar pencapaian secara membuta tuli. Mereka tidak mementingkan proses tetapi mementingkan keputusan yang diingini oleh mereka. Persaingan yang besar dan tekanan daripada ibu bapa menyebabkan mereka melakukan plagiarisme kerana takut akan kegagalan dan kekecewaan ibu bapa.

Faktor yang mempunyai min skala yang paling rendah iaitu 4.03 ialah faktor keinginan untuk mendapatkan markah dan pekerjaan yang baik. Tidak semestinya mahasiswa yang melakukan plagiarisme bertujuan untuk mendapat pekerjaan yang baik. Hal ini demikian kerana pekerjaan lebih tertumpu kepada pengalaman dan kemahiran mahasiswa. Keputusan hanya mengambil sebahagian kecil dalam pertimbangan. Maka, mahasiswa melakukan plagiarisme untuk mendapat markah yang baik tetapi tidak semestinya pekerjaan yang baik.

## 4.2 Impak Plagiarisme terhadap Mahasiswa

Jadual 3 menunjukkan maklum balas responden terhadap impak plagiarisme terhadap mahasiswa. Antara impaknya ialah penurunan kualiti graduan universiti, pengantungan atau pelucutan nama daripada universiti, menjelaskan reputasi mahasiswa/i, catatan amaran dalam transkrip mahasiswa/i, etika dan profesionalisme mahasiswa/i terjejas, keruntuhan akhlak dan moral mahasiswa/i, menjelaskan perkembangan ilmu baharu dan kekurangan persediaan pengetahuan untuk kerja.

Berdasarkan jadual tersebut didapati, responden berpendapat penurunan kualiti graduan universiti telah mencatatkan seramai 0 orang atau 0 responden yang paling tidak setuju. Bagi tidak setuju dan sederhana pula telah mencatatkan seramai seorang atau 1 responden dan 12 orang atau 12% responden masing-masing. Seramai 49 orang atau 49 responden telah memilih setuju manakala seramai 38 orang atau 38 responden memilih paling setuju.

Selain itu, pergantungan atau pelucutan nama daripada universiti menunjukkan tiada yang paling bersetuju, seorang atau 1 responden daripada 100 responden telah memilih tidak setuju manakala 23 orang atau 23 responden telah memilih sederhana. Seramai 57 orang atau 57 responden telah memilih paling setuju.

Seterusnya, menjelaskan reputasi mahasiswa juga tidak mempunyai responden atau 0 responden yang paling tidak setuju dan seorang 1 responden yang tidak setuju. Seramai 10 orang atau 10 responden mempunyai pandangan sederhana terhadap impak ini. Bagi setuju dan paling setuju pula, terdapat seramai 45 orang atau 45 responden dan 44 orang atau 44 responden masing-masing.

Impak plagiarisme terhadap mahasiswa yang lain adalah catatan amaran dalam transkrip mahasiswa yang mempunyai 0 orang atau 0 responden yang paling tidak setuju dan seorang atau 1 responden yang tidak setuju. Bagi sederhana pula, seramai 11 orang atau 11 responden yang memilihnya. Seramai 48 orang atau 48 responden telah menanda setuju dan seramai 40 orang atau 40% responden telah menanda paling setuju.

Kesan profesionalisme mahasiswa terjejas mempunyai 0 orang atau 0% responden yang paling tidak setuju dan 2 orang atau 2% responden tidak setuju. Seramai 9 orang atau 9% responden yang memilih sederhana dan seramai 46 orang atau 46% responden memilih pandangan setuju. Bagi pandangan paling setuju telah mempunyai seramai 43 orang atau 43% responden.

Di samping itu, keruntuhan akhlak dan moral mahasiswa/i mempunyai 0 orang atau 0% responden yang paling tidak setuju. Terdapat 4 orang atau 4% responden telah memilih tidak setuju dan 11 orang atau 11% responden telah memilih pandangan sederhana. Bagi setuju dan paling setuju, seramai 36 orang atau 36% responden dan 49 orang atau 49% responden masing-masing.

Impak plagiarisme terhadap mahasiswa/i yang seterusnya adalah menjelaskan perkembangan ilmu baharu yang mempunyai seramai 0 orang atau 0% responden yang paling tidak setuju dan tidak setuju. Bagi responden yang memilih sederhana adalah seramai 17 orang atau 17% responden. Setuju dan paling setuju pula telah mencatatkan seramai 83 orang atau 83% responden.

Akhir sekali, kekurangan persediaan pengetahuan untuk kerja telah mencatatkan seramai 0 orang atau 0% responden yang paling tidak setuju dan seramai 3 orang atau 3% responden yang tidak setuju. Seramai 12 orang atau 12% responden mempunyai pandangan sederhana terhadap impak ini. 41 orang atau 41% responden telah memilih setuju dan 44 orang atau 44% responden telah memilih paling setuju.

Impak plagiarisme terhadap mahasiswa yang mempunyai min purata yang paling tinggi iaitu 4.32 adalah menjelaskan reputasi mahasiswa. Hal ini demikian kerana perbuatan plagiarisme akan menjelaskan seseorang individu secara langsung jika ditangkap. Reputasi mahasiswa akan terjejas dahulu dan membawa lebih banyak impak kepada mahasiswa manakala impak plagiarisme terhadap mahasiswa yang mempunyai min purata yang paling rendah iaitu 3.94 adalah pergantungan atau pelucutan nama daripada universiti. Hal ini demikian kerana kefahaman tentang perbuatan plagiarisme responden mungkin hanya menyalin karya orang lain atau sesuatu perbuatan yang buruk tetapi bukan kesalahan yang berat. Dengan hal ini, responden tidak berpandangan impak pergantungan atau pelucutan nama daripada universiti sebagai salah satu impak utama.

**Jadual 3 Impak Plagiarisme terhadap Mahasiswa**

Faktor	Sangat Tidak Setuju		Tidak Setuju		Sederhana		Setuju		Sangat Setuju		Min
	F	%	F	%	F	%	F	%	F	%	
Penurunan Kualiti Graduan Universiti	0	0	1	1	12	12	49	49	38	38	4.24
Pergantungan atau Pelucutan nama daripada Universiti	0	0	1	1	23	23	57	57	19	19	3.94
Menjejaskan Reputasi mahasiswa	0	0	1	1	10	10	45	45	44	44	4.32
Catatan Amaran dalam transkrip mahasiswa/i	0	0	1	1	11	11	48	48	40	40	4.27
Etika dan Profesionalisme mahasiswa/i terjejas	0	0	2	2	9	9	46	46	43	43	4.30
Keruntuhan akhlak dan moral mahasiswa/i	0	0	4	4	11	11	36	36	49	49	4.30
Menjejaskan Perkembangan ilmu Baharu	0	0	0	0	17	17	43	43	40	40	4.23
Kekurangan Persediaan Pengetahuan untuk kerja	0	0	3	3	12	12	41	41	44	44	4.26

Sumber: Kajian Lapangan 2023

#### 4.3 Cara mengatasi Isu Plagiarisme dalam kalangan Mahasiswa

Jadual 4 di bawah menunjukkan maklum balas responden terhadap cara penyelesaian isu plagiarisme terhadap mahasiswa. Antara caranya ialah mengukuhkan didikan agama, membuat persediaan yang cukup untuk menghadapi cabaran akademik, mengukuhkan jati diri, menggunakan teknologi dan internet secara bantuan tetapi bukan skema jawapan, memasukkan pengetahuan berkaitan dengan plagiarism ke dalam sukatan pembelajaran kursus, menggunakan pemeriksa plagiarism, memberikan sebutan dan penghargaan kepada penulis asal dan mengenakan hukuman tegas terhadap pelaku plagiarism.

Berdasarkan Jadual 4, mengukuhkan didikan agama telah mencatatkan seramai 3 orang atau 3% responden yang paling tidak setuju. Bagi tidak setuju dan sederhana pula telah mencatatkan seramai 2 orang atau 2% responden dan 15 orang atau 15% responden masing-masing. Seramai 45 orang atau 45% responden telah memilih setuju manakala seramai 35 orang atau 35% responden memilih paling setuju.

Selain itu, membuat persediaan yang cukup untuk menghadapi cabaran akademik tidak mempunyai responden ataupun 0% responden yang paling tidak setuju. 2 orang atau 2% daripada 100 responden telah memilih tidak setuju manakala 26 orang atau 26% responden telah memilih sederhana. Seramai 52 orang atau 52% responden telah memilih setuju dan seramai 20 orang atau 20% responden telah memilih paling setuju.

Seterusnya, mengukuhkan jati diri juga tidak mempunyai responden atau 0% responden yang paling tidak setuju dan 2 orang atau 2% responden yang tidak setuju. Seramai 7 orang atau 7% responden mempunyai pandangan sederhana terhadap cara ini. Bagi setuju dan paling setuju pula, terdapat seramai 45 orang atau 45% responden dan 46 orang atau 46% responden masing-masing.

Cara penyelesaian isu plagiarisme terhadap mahasiswa yang lain adalah menggunakan teknologi dan internet secara bantuan tetapi bukan skema jawapan yang mempunyai 0 orang atau 0% responden yang paling tidak setuju dan 3 orang atau 3% responden yang tidak setuju. Bagi sederhana pula, seramai 12 orang atau 12% responden yang memilihnya. Seramai 51 orang atau 51% responden telah memilih setuju dan seramai 34 atau 34% responden telah memilih paling setuju.

Kaedah memasukkan pengetahuan berkaitan dengan plagiarisme ke dalam sukanan pembelajaran kursus telah mempunyai 1 orang atau 1% responden yang paling tidak setuju dan 2 orang atau 2% responden tidak setuju. Seramai 12 orang atau 12% responden yang memilih sederhana dan seramai 42 orang atau 42% responden memilih pandangan setuju. Bagi pandangan paling setuju telah mempunyai seramai 43 orang atau 43% responden.

Di samping itu, menggunakan pemeriksa plagiarisme seperti *Plagiarism Checker* mempunyai 0 orang atau 0% responden yang paling tidak setuju. Terdapat 3 orang atau 3% responden telah memilih pandangan tidak setuju dan 5 orang atau 5% responden telah memilih pandangan sederhana. Bagi setuju dan paling setuju, seramai 50 orang atau 50% responden dan 42 orang atau 42% responden masing-masing.

Cara penyelesaian isu plagiarisme terhadap mahasiswa yang seterusnya adalah memberikan sebutan dan penghargaan kepada penulis asal yang mempunyai seramai 2 orang atau 2% yang paling tidak setuju dan tidak setuju. Bagi responden yang memilih sederhana adalah seramai 10 orang atau 10% responden. Setuju dan paling setuju pula telah mencatatkan seramai 88 orang ataupun 88% responden.

Akhir sekali, mengukuhkan hukuman tegas terhadap pelaku plagiarisme telah mencatatkan seramai 0 orang atau 0% responden yang paling tidak setuju dan seramai 2 orang atau 2% responden yang tidak setuju. Seramai 10 orang atau 10% responden mempunyai pandangan sederhana terhadap cara penyelesaian ini. 46 orang atau 46% responden telah memilih setuju dan 42 orang atau 42% responden telah memilih paling setuju.

Cara penyelesaian isu plagiarisme terhadap mahasiswa yang mempunyai min purata yang paling tinggi iaitu 4.35 adalah mengukuhkan jati diri. Hal ini demikian kerana jati diri memainkan peranan yang sangat penting dalam pencegahan plagiarisme. Cara-cara yang lain mungkin dapat menghalang perbuatan plagiarisme untuk sementara sahaja manakala dengan jati diri yang kukuh, seseorang individu tersebut dapat menjauhkan diri daripada perlakuan plagiarisme walaupun bersendirian.

Cara penyelesaian isu plagiarisme terhadap mahasiswa/i yang mempunyai min purata yang paling rendah iaitu 3.90 adalah membuat persediaan yang cukup untuk menghadapi cabaran akademik. Hal ini demikian kerana dengan persediaan yang awal, mahasiswa/i juga tidak dapat menjangkakan semua kemungkinan yang akan berlaku. Jika mahasiswa/i tidak mempunyai masa yang cukup, niat melakukan perbuatan plagiarisme akan berlaku juga.

**Jadual 4** Cara mengatasi Isu Plagiarisme dalam kalangan Mahasiswa

Cara	Paling Tidak Setuju		Tidak Setuju		Sederhana		Setuju		Paling Setuju		Min
	F	%	F	%	F	%	F	%	F	%	
Mengukuhkan Didikan Agama	3	3	2	2	15	15	45	45	35	35	4.07
Membuat Persediaan yang cukup untuk menghadapi Cabaran Akademik	0	0	2	2	26	26	52	5	20	20	3.90
Mengukuhkan Jati diri	0	0	2	2	7	7	45	45	46	46	4.35
Menggunakan Teknologi dan Internet secara Bantuan tetapi bukan Skema Jawapan	0	0	3	3	12	12	51	51	34	34	4.16
Memasukkan Pengetahuan berkaitan dengan Plagiarism ke dalam Sukatan Pembelajaran Kursus	1	1	2	2	12	12	42	42	43	43	4.24

Menggunakan Pemeriksa Plagiarisme (Plagiarism Checker)	0	0	3	3	5	5	50	50	42	42	4.31
Memberikan sebutan dan penghargaan kepada penulis asal	0	0	2	2	10	10	40	40	48	48	4.34
Mengenakan hukuman tegas terhadap pelaku plagiarisme	0	0	2	2	10	10	46	46	42	42	4.28

Sumber: Kajian Lapangan 2023

## 5. Kesimpulan

Berdasarkan dapatan kajian yang dijalankan menunjukkan, mahasiswa pada era kini terdedah dengan pelbagai sumber rujukan dalam bentuk salinan cetak atau bentuk salinan lembut (laman sesawang, pdf atau lain-lain). Dari segi akademik dan pembelajaran, kewujudan sumber laman web sebegini sememangnya membantu para mahasiswa menyelesaikan laporan akademik dalam masa yang singkat. Walau bagaimanapun, keadaan ini turut mendatangkan masalah plagiarisme yang berleluasa dalam kalangan pelajar.

Masalah plagiarisme sering berkait rapat dengan kekurangan penghayatan etika dan penerapan nilai integriti. Sekiranya mahasiswa yang disabitkan kesalahan plagiarisme akademik tidak dikenakan tindakan yang sewajarnya, maka keadaan yang sama akan berulang pada masa yang akan datang apabila berada dalam bidang profesion mereka. Keadaan ini adalah amat serius kerana ia akan menjelaskan kualiti lepasan siswazah negara kita. Dari segi arena antarabangsa pula, perkara ini turut akan mempengaruhi pandangan masyarakat negara lain terhadap negara Malaysia. Oleh hal yang demikian, jelaslah bahawa kepentingan integriti dalam kalangan mahasiswa negara kita.

Selain itu, kajian tersebut turut memperlihatkan faktor utama yang mendorong para mahasiswa melakukan plagiarisme adalah takut kegagalan yang mendapat min 4.31, manakala cara yang paling efektif bagi mengatasi masalah ini adalah mengukuhkan jati diri yang mendapat min 4.35. Selain itu, kajian ini turut mengemukakan beberapa impak kepada mahasiswa sekiranya berbuat demikian. Antara impak yang mendapat sokongan majoriti adalah menjelaskan reputasi mahasiswa bersamaan min 4.32. Tuntasnya, kajian ini telah memperlihatkan betapa eratnya hubungan integriti berkait rapat dengan akademik para mahasiswa UTHM Pagoh. Justeru itu, sekiranya pelbagai pihak tidak mampu berganding bahu untuk menyelesaikan masalah tersebut, maka ia akan menjelaskan kualiti modal insan negara pada masa yang akan datang. Oleh itu, kajian yang lebih mendalam hendaklah dilakukan untuk memastikan hujah dan bukti yang dikemukakan sentiasa logik dan relevan.

## Penghargaan

Penulis artikel ingin mengucapkan terima kasih dan rasa penghargaan kepada Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia atas peluang yang bermakna untuk penerbitan artikel ini.

## Rujukan

- Agus Ardinansyah, Dhihram Tenrisau, Ismail Suardi Wekke (2018). *Ketidakjujuran Akademik Dalam Pendidikan Tinggi*. Universitas Hasanuddin, Sulawesi Selatan, Sekolah Tinggi Agama Islam Negeri (STAIN) Sorong, Papua Barat.
- Anoopa, K. R., Mathews, M., & Greeshma, P. V. (2019), Integrity in Education: Ethical Challenges for Teachers and Administrators , *International Journal of Applied Engineering Research*
- Arieff Salleh Rosman,Ahmad Mahyuddin Hassan, Azmi Shah Suratman, Mohd Nasir Ripin, Nurazmallail Marni, Jun 2008
- Farah Ilyana Mohd Anuar (Mei 22, 2021). "Hapuskan Aktiviti Plagiat Di Universiti" daripada <https://www.bharian.com.my/rencana/minda-pembaca/2021/05/819422/hapuskan-aktiviti-plagiat-di-universiti>
- Juan Anthonio Kambuno,Natanael Andra Jaya Nababan, Nova Erlangga, Alviona Anggita Rante Lembang, Ridwan Arrifin, (2020), *The bias of plagiarism policy implementation:the challenges in the 21st century age*, 2(3).
- Lena Vimalanandan, Ahmad Husairi Khairuddin, Jamiah Ismail, Muhamad Firdaus Mohamad, Khatijah Ahmad Shah, Yu Chee Han, Harun Mohamed Ramki (2022), *Jurnal Penyelidikan Dedikasi*, 20 (1).
- Maharam Mamat (Oktober 1, 2010). "Mengapa Berlaku Plagiat" daripada <https://maharammamat.wordpress.com/2010/10/01/mengapa-berlaku-plagiat/>
- McCabe, D. L., Treviño, L. K., & Butterfield, K. D. (2001). Cheating in academic institutions: A decade of research, *Ethics & Behavior*, 11(3), 219. [https://doi.org/10.1207/S15327019EB1103\\_2](https://doi.org/10.1207/S15327019EB1103_2)
- Norashikin Hussein, Syezreen Dalina Rusdi, Nor Azian Abdul Rahman, Siti Sarah Mohamad (2021), Self-perceived plagiarism from the perspective of non-business students of pulic university in Malaysia, 3(2)

- Noraeyn Eusope, Ilhaamie(25 Oktober, 2021)."Integriti Dalam kalangan Pelajar Muslim di IPTA: Sata Tinjauan Awal." daripada <https://www.google.com/url?sa=t&source=web&rct=j&url=https://ejournal.um.edu.my/index.php/OJIMF/article/download/28877/13900/80205&ved=2ahUKEwjulN6Bwor-AhWfRmwGHey4BLgQFnoECD0QAQ&usg=A0vVaw3uZQfru0qWSJdqRxWe81-U>
- Nur Hafizah, Geraldine K. C. Chan (December 2020)."Integriti Akademik dalam Kalangan Mahasiswa." Daripada [https://www.researchgate.net/publication/350131272\\_Integriti\\_Akademik\\_dalam\\_Kalangan\\_Mahasiswa](https://www.researchgate.net/publication/350131272_Integriti_Akademik_dalam_Kalangan_Mahasiswa)
- Rebore, R. W., & Barnett, B. G. (2019). *Ethics and Integrity in Educational Leadership: Emerging Paradigms and Practices*. MLA.
- Shoop, R. A., & Roberts, D. F. (2021). *Promoting Academic Integrity in Higher Education*. APA.
- Siti Fatin Mohd Razali, Azrul Mutalib, Noraini Hamzah, Shahrizan Baharom (2016), Pertanika *Journal of Social Sciences & Humanities*, 24
- Tuan Sarifah Aini Syed Ahmad, Nur Fadhlina Zainal Abedin, Irma Ahmad, Sheela Paramasivam, Wan Zumusni Wan Mustapha (2022), *Asian Journal of University Education*, 18 (3)